

19/06/1999

Dekati pelajar dianggap usaha bijak

Noor Azlina Zainudin

TOKOH akademik menyifatkan saranan supaya pemimpin dan ahli Umno mendekatkan diri dengan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai langkah bijak bagi membolehkan mereka memahami dan menghayati perjuangan sebenar parti.

Mereka menyifatkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai aset penting negara dan usaha berterusan perlu dijalankan bagi memastikan mereka tidak mudah terpengaruh dengan anasir yang bertujuan memecahbelahkan perpaduan rakyat.

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Ishak Tambi Kechik, berkata langkah ini perlu bagi memastikan pelajar didedahkan dengan jentera kerajaan, memahami kedudukan negara di mata dunia selain mengetahui perkembangan dalaman politik negara.

Katanya, pelajar juga berpeluang mengetahui sejarah lampau terutamanya bagaimana pejuang terdahulu berusaha menjadikan negara ini aman, sejahtera dan setanding dengan negara maju lain di dunia.

"Sekarang adalah masa terbaik untuk mendekatkan diri dengan pelajar kerana jika tidak bersedia sejak mula, tidak mustahil parti pembangkang akan mengambil peluang untuk membenci parti pemimpin (Umno)," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan muka depan akhbar ini semalam yang menyebut Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad menasihatkan pemimpin dan ahli Umno mendekatkan diri dengan rakyat terutamanya pelajar IPT bagi membolehkan mereka memahami perjuangan parti itu.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Tan Sri Dr Syed Jalaluddin Syed Salim, berkata pendekatan ini perlu untuk membolehkan pelajar dan pemimpin berdialog sesama sendiri dengan menekankan perjuangan sebenar parti.

Katanya, cara ini membolehkan pelajar mengemukakan pandangan masing-masing terutamanya dalam hal berkaitan isu semasa dan pentadbiran negara.

"Peraturan yang sedia ada sekarang melarang pelajar IPT membabitkan diri dalam aktiviti politik dan cara ini tidak akan membuatkan pelajar bersemangat untuk bergiat secara aktif dalam politik.

"Apa yang cuba dilakukan hanyalah merapatkan diri dengan generasi muda yang bakal menerajui kepimpinan negara seterusnya memastikan mereka menjadi kesinambungan kepada perjuangan sebenar parti untuk mengekalkan kesejahteraan negara," katanya.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohammad Noor Salleh, berkata langkah untuk membenarkan pemimpin dan ahli Umno merapatkan hubungan dengan pelajar perlu dibincang secara teliti dan terperinci supaya tidak timbul masalah kelak.

Katanya, apa yang perlu diberi perhatian ialah kaedah, pelaksanaan dan etika bagaimana untuk membolehkan parti politik mendekati pelajar kerana ia belum pernah diperbincangkan pada peringkat universiti sebelum ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UKM, Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh bimbang pelajar pusat pengajian tinggi akan menjadi orang yang taksub dan berfikiran tertutup jika parti politik menggunakan kampus sebagai gelanggang.

Katanya, sifat itu tidak mencerminkan sifat sebenar yang perlu dimiliki oleh seorang pelajar pusat pengajian tinggi.

"Pelajar pusat pengajian tinggi seharusnya berfikiran terbuka untuk

menilai semua bentuk ideologi politik.

"Malah, mereka seharusnya menumpukan masa kepada pelajaran tetapi pada masa yang sama mesti mengikuti dan memahami perkembangan semasa termasuk pergolakan politik negara," katanya.

Bekas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UPM, Prof Datuk Dr Kamaruddin Kachar, berkata langkah ini tidak akan menjejaskan pencapaian akademik pelajar sebaliknya menggalakkan mereka agar lebih menumpukan perhatian kepada pelajaran.

Katanya, dalam sesi penerangan yang akan diadakan, pelajar akan didedahkan dengan sejarah perjuangan pemimpin terdahulu dan matlamat pejuang sekarang tanpa perlu terbabit secara langsung dalam parti.

(END)